

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **YB DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL  
ANUAR BIN WAN AHMAD [KUALA  
KANGSAR]**

**TARIKH** : **12 JUN 2014 [KHAMIS]**

**SOALAN:**

**Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [Kuala Kangsar]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah terdapat sebarang garis panduan ataupun undang-undang untuk menubuhkan sekolah tahfiz dan anak-anak yatim. Bagaimana pemantauan ataupun tindakan kepada pengurusan tahfiz dan rumah anak-anak yatim yang menggunakan pelajar untuk mengutip derma dari orang ramai, penyalahgunaan dan eksploitasi oleh pihak-pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN  
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan mana-mana sekolah Agama termasuk sekolah tahfiz di kebanyakan negeri adalah tertakluk kepada undang-undang pentadbiran agama Islam dan undang-undang pengawalan sekolah-sekolah agama negeri-negeri. Memandangkan bidang kuasa hal ehwal Islam tertakluk di bawah kuasa-kuasa negeri, perkara-perkara yang diambil kira untuk pertimbangan permohonan penubuhan sesebuah sekolah agama adalah berbeza antara negeri-negeri

Bagi negeri Johor dan Perak, perkara-perkara yang dipertimbangkan adalah seperti yang berikut:

- i. kesesuaian sekolah atau bangunan atas alasan-alasan keselamatan dan kesihatan;
- ii. sumber kewangan untuk penyelenggaraan sekolah;
- iii. keperluan mendirikan satu lagi sekolah dalam kawasan yang sama; dan
- iv. kegunaan sekolah bukan bagi maksud yang mungkin memudaratkan kepentingan Negeri atau Persekutuan.

Manakala di negeri Selangor, Kedah dan Pulau Pinang, permohonan untuk penubuhan sesebuah sekolah agama adalah tertakluk kepada undang-undang dan kaedah pengawalan sekolah agama yang telah diwartakan di peringkat negeri. Bagi Negeri Sembilan, Perlis dan Melaka yang tidak mewartakan kaedah pengawalan sekolah-sekolah agama, pertimbangan adalah tertakluk kepada undang-undang pengawalan sekolah-sekolah agama di negeri-negeri tersebut.

**Berhubung isu eksploitasi kanak-kanak bagi tujuan mengutip derma,** Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Pendidikan Malaysia, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan badan bukan kerajaan telah mewujudkan **Pelan Tindakan Penguatkuasaan Isu Kutipan Derma Di Kalangan Kanak-Kanak** dengan lima (5) teras strategik yang ditetapkan, iaitu:

1. Pemantapan peruntukan undang-Undang
2. Pemerksaan penguatkuasaan inter-agensi
3. Pengukuhan kesahihan maklumat
4. Penyelarasan penyelidikan
5. Peningkatan kempen pencegahan dan penyelidikan

JAKIM selaku penyelaras bagi hal ehwal Islam, sentiasa memantau pelaksanaan pelan tersebut bagi mengambil tindakan terhadap

pengurusan tahfiz dan rumah anak-anak yatim yang tidak bertanggungjawab mengeksploitasi pelajar-pelajar untuk mengutip derma. Ini berdasarkan peruntukan di bawah **Undang-Undang Negeri** seperti undang-undang pentadbiran agama Islam, undang-undang Kawalan Sekolah-sekolah Agama dan undang-undang jenayah Syariah di bawah Jabatan Agama Islam Negeri seluruh negara. Tindakan juga boleh diambil di bawah **undang-undang Persekutuan** oleh agensi-agensi berkaitan seperti Akta Pungutan Dari Rumah Ke rumah dan di Jalan 1947, Akta Pusat Jagaan 1993, Akta Anti Pemerdagangan Orang 2007, Akta Kanak-kanak 2001, Akta Pendidikan 2003, Akta Pertubuhan 1986 dan Akta Orang-orang Papa 1977

Sekian, terima kasih.